

# HSS& LESSON LEARNT

## PENCEMARAN SISA KIMIA SUNGAI KIM-KIM 2019

### APA YANG TERJADI?

Pencemaran sisa kimia Sungai Kim Kim 2019 ialah kejadian pencemaran air yang berlaku pada 7 Mac 2019, berpunca daripada pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor, Malaysia. Beberapa pelajar dan pekerja kantin dari dua sekolah berhampiran sungai mula jatuh sakit dan mengadu kesukaran bernafas, sehingga mereka dihantar ke Hospital Sultan Ismail. Gelombang keracunan air kedua berlaku pada 11 Mac dengan 106–207 lagi mangsa telah dimasukkan ke hospital sebelum meningkat kepada lebih daripada 1,000 mangsa. Pembuangan secara haram itu mengeluarkan asap toksik, menjejaskan 6,000 orang dan 2,775 menerima rawatan. Kebanyakan mangsa ialah pelajar sekolah—110 sekolah kemudian ditutup di sepanjang sungai.

### PUNCA?

- Melepaskan buangan terjadual di bawah Kod SW311 iaitu enap cemar berminyak, seperti yang tersenarai dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005
- Bahan kimia yang dilupus secara haram sebagai minyak marin yang mengeluarkan gas metana yang mudah terbakar dan asap benzena.

### HAZARD BERKAITAN?

- Sakit kepala
- Loya
- Pengsan
- Kesukaran bernafas

### APA YANG BOLEH DIPELAJARI?

- Buangan terjadual hendaklah dilupuskan di premis yang ditetapkan sahaja
- Buangan terjadual hendaklah distorkan dalam bekas yang sesuai yang boleh mencegah tumpahan atau kebocoran ke alam sekeliling
- Pengeluar buangan hendaklah memastikan semua pekerja yang terlibat dengan bahan buangan terjadual adalah terlatih

Reference: Keputusan Pendakwaan Kes Pencemaran Sungai Kim-Kim



#NOKSELAMATSOKMO  
FOR MYSELF | FOR MYFAMILY | FOR MYFUTURE  
ZERO LTI, ZERO SPILL, ZERO HARM